



HALA TUJU

BAM

Kira-kira empat bulan yang lalu, sebaik-baik sahaja isu pemilihan Presiden FAM yang baharu selesai, media cetak dan elektronik di negara ini khususnya bagi pengamal media di meja sukan sibuk turun padang terutamanya ke gelanggang badminton tanah air. Isunya bukan mencari bakat baharu atau berjaya menemui pengganti legenda badminton tanah air, Datuk Lee Chong Wei, tetapi berkisar tentang perebutan kerusi panas Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Yang menariknya, perebutan ini ditambah "rencah" dengan kewujudan *gentlemen's agreement* yang dipersetujui oleh kepimpinan BAM yang terdahulu. Setelah lebih kurang hampir dua minggu isu *gentlemen's agreement* ini disiarkan dalam

ruangan sukan dan menerusi berita arus perdana, akhirnya seorang calon yang dikatakan bukan pilihan mengalah dan memberi laluan kepada presiden yang baharu. Secara rasminya pada 29 April yang lalu, Mesyuarat Agung Tahunan ke-72 yang berlangsung di Hotel Dorsett, Subang, mengumumkan Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria sebagai Presiden BAM yang baharu bagi penggal 2017-2021.

Satu lagi kerusi panas telah selesai diperkatakan! Walaupun pemilihan berlangsung dengan aman dan tenteram tanpa sebarang balingan objek semasa mesyuarat seperti yang kita lihat di luar negara, namun langkah untuk peneraju BAM baru sahaja bermula. Pada bulan Mei yang lalu, berlangsungnya kejohanan Piala Sudirman yang menyaksikan tuan rumahnya ialah Australia. Bermacam-macam



prestasi mereka semakin longlai. Tidak cukup dengan itu, prestasi pemain muda yang bakal menggantikan Chong Wei masih tidak kelihatan personalitinya.

Inilah yang dimaksudkan bahawa "gudang" untuk menghasilkan pelapis jaguh dunia itu masih tidak kelihatan berbanding dengan negara jiran seperti Indonesia apabila setiap kali kejohanan dunia ada sahaja muka baharu yang ditampilkan baik dalam acara individu, beregu mahupun campuran. Peningkatan yang cukup ketara turut ditampilkan oleh kem badminton Thailand juga harus dipandang serius oleh BAM.

BAM harus melihat pendekatan yang digunakan oleh Persekutuan Badminton Thailand (BAT) dalam usaha merencanakan pasukan kebangsaan mereka sehingga berjaya menduduki tempat keempat Piala Sudirman baru-baru ini dan pada tahun 2013.

Malah, pada masa yang sama kita dikejutkan dengan kebangkitan negara "Matahari Terbit" yang cukup agresif melahirkan pemain muda bertaraf bintang dalam tempoh masa yang singkat. Suatu ketika dahulu, pasukan seperti Thailand dan Jepun bukan pasukan saingan Malaysia, tetapi pada hari ini, mereka semakin mantap dan mampu mengecewakan Malaysia.

Selain Thailand dan Jepun, BAM harus mengkaji juga sistem latihan yang diterapkan oleh kem badminton Taiwan yang kini berada pada kedudukan 10 terbaik dunia dalam acara perseorangan, beregu dan campuran. Hakikatnya, kita pernah mendapatkan khidmat jurulatih yang hebat seperti Park Joo Bong (kini melatih Jepun), namun apabila tiba masanya beliau melatih pasukan di Malaysia, kejayaan masih sukar dicapai.

Kini setelah hampir tiga tahun Morten Frost bertindak sebagai Pengarah Teknikal BAM, kejayaan masih dicari-cari khususnya dalam acara berpasukan seperti Piala Thomas, Piala Uber dan Piala Sudirman. Lebih mengecewakan tidak kelihatan muka baharu dalam kejohanan besar yang layak hingga suku akhir berbanding dengan negara-negara yang disebutkan tadi.

Selain itu, sesuatu yang agak memalukan apabila China terus gah dengan senarai bintang baharu yang dilahirkan dalam masa yang sama legenda mereka, Lin Dan masih bertarung di pentas yang sama. Adakah kita masih mahu berkata, kita tidak boleh melihat China sebagai penanda aras kerana mereka berada pada tahap yang berbeza? Jika bukan China, negara manakah lagi yang harus dijadikan sebagai kayu peminat untuk maju ke hadapan?

Oleh sebab itu, barisan kepimpinan baharu dalam BAM tidak boleh duduk dengan cukup selesa lagi apabila memegang amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Kepimpinan baharu ini harus memikirkan strategi baharu supaya dapat mengulangi kejayaan dan

persiapan telah pun diatur dengan lebih awal bagi memastikan skuad yang disasarkan layak hingga separuh akhir ini mampu mencapai sasaran tersebut.

"Seperti kata pepatah tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Begitulah nasib yang menimpa pasukan badminton negara apabila mudah ditunjuk jalan pulang oleh kem Jepun. Kekalahan yang boleh diibaratkan seperti tewas sebelum berjuang ini sebenarnya boleh dikatakan sebagai penanda aras tahap kemampuan anak didik Morten Frost yang juga pengarah teknikal di BAM.

Keputusan ini juga tidak boleh diterima sebagai

kurang bernašib baik oleh keseluruhan kem BAM, tetapi harus dianggap sebagai malapetaka yang bakal berlarutan sekiranya tiada perubahan dan suntikan formula baharu dalam sistem kejurulatihan dan latihan pemain.

Kebimbangan ini bukanlah omong kosong, tetapi jika BAM sedar, dengan melihat rakan-rakan di negara jiran, mereka telah selangkah ke hadapan dan boleh dikatakan sistem yang diguna pakai oleh BAM semakin terkebelakang. Buktinya, dalam tempoh masa 10 tahun kebelakangan ini, kita masih mengharapkan kudrat seorang pemain untuk mengharumkan nama negara. Siapa lagi kalau bukan Lee Chong Wei?

Konsistennya pemain ini tidak dapat dinafikan. Walaupun pada Sukan Olimpik di Brazil, skuad badminton megah dengan pencapaian tiga perak melalui perseorangan lelaki, beregu lelaki dan beregu campuran, namun begitu,



Morten Frost perlu membuktikan kredibilitinya agar kekecewaan peminat sukan badminton terubat.

Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria, Presiden BAM bagi penggal 2017-2021.



kegemilangan pasukan Malaysia pada era 1980-an. Jika tidak bertindak sekarang, bila lagi?

Kita tidak mahu apabila jangka hayat kehebatan seseorang jaguh badminton bertaraf dunia negara semakin hilang, barulah muncul seorang lagi penyelamat kepada pasukan negara. Seharusnya usaha untuk melahirkan pemain bertaraf dunia hendaklah dilakukan secara berterusan, dan hal ini sebenarnya sangat-sangat menguntungkan pemain, jurulatih dan pasukan Malaysia. Lihat sahaja ketika ini, apabila Chong Wei menjalani latihan insentif, kelihatan kurang "sparring" kerana rakan latihannya tidak memberikan sesuatu yang baharu kepadanya.

Hal yang sama turut dirasakan oleh pemain beregu. Sekiranya ingin mengekalkan momentum perlawanan, latihan yang sentiasa mendedahkan kemahiran baharu serta "sparring" yang sama hebat atau lebih hebat diperlukan oleh mereka. BAM harus sedar apabila negara menganjurkan perlawanan *super series*, pengesahan kehadiran Chong Wei sememangnya banyak membantu penjualan tiket. Sekiranya beliau menarik diri atau tidak bertanding, stadium akan kekurangan penyokong.

Oleh hal yang demikian, BAM harus cepat bertindak

bagi memastikan dalam proses pergantungan raket Chong Wei yang bakal menjelang tiba pada bila-bila masa, sudah ada pengganti yang mampu mengekalkan penyokong setia badminton di negara ini. Kita tidak mahu skrip yang sama berulang-ulang seperti tahun-tahun sebelumnya.

Apabila anak-anak Sidek sudah menggantungkan raket mereka, negara perlu menunggu untuk tempoh masa yang panjang bagi melahirkan seorang jagoan bertaraf dunia. Formula yang dilaksanakan oleh China, Korea dan Jepun perlu dilihat dan diterapkan dalam kem negara bagi memastikan "kilang" melahirkan jagoan dunia melalui kelab-kelab persendirian dan persatuan yang bernaung di bawah BAM turut memainkan peranan yang sama dan mengetahui hala tuju BAM pada masa hadapan. ^{DM}

